

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 6/2022	Panel Bagi Perkhidmatan Bekalan Tayar Dan Tiub Kenderaan Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh 1 Tahun Dengan Pilihan Lanjutan 1 Tahun (1+1 Tahun)	KKM	110201 / 110303 / 110304 / 220112 / 220105	RM50.00	10 Januari 2022 Hingga 24 Januari 2022
MPKj S 7/2022	Panel Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Jentera-Jentera Lain Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tempoh 1 Tahun Dengan Pilihan Lanjutan 1 Tahun (1+1 Tahun)				
MPKj S 8/2022	Cadangan Membekal Dan Memasang Kemudahan Riadah Di Kawasan Lapang Jalan Cheras Mewah 3, Taman Cheras Mewah, Jalan Cuepacs 2B, Taman Kurnia Indah Dan Jalan Sunway 2, Taman Sunway Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan		080199 / 080101		
MPKj S 9/2022	Cadangan Membekal Dan Memasang Kemudahan Riadah Di Kawasan Lapang Jalan Pahlawan 6/3 Dan Jalan Pahlawan 4A/3, Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S 10/2022	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Padang Bola Di Kawasan Lapang Jalan 14/1D, Taman Cheras Jaya, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G1	CE21		
MPKj S 11/2022	Cadangan Menaiktaraf Taman Di Kawasan Lapang Jalan Shahbandar 14/6, Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S 12/2022	Cadangan Menaiktaraf Taman Di Kawasan Lapang Jalan Penghulu 45/3, Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				
MPKj S 13/2022	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Sebuah Gelanggang Bola Keranjang Di Kawasan Lapang Jalan Alamanda, Taman Bukit Belimbing, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan				

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **10 JANUARI 2022 HINGGA 24 JANUARI 2022**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan. Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER** sahaja dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 24 JANUARI 2022 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebutharga/ Tender)
Aras Bawah, Bahagian Bekalan Dan Perolehan
Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).